PEKELILING
PEJABAT PENGARAH TANAH DAN GALIAN JOHOR
BIL 3/2008

KAJIAN SEMULA SYARAT MEMBELI LOT BUMIPUTERA

1. **TUJUAN**

1.1 Tujuan pekeliling ini adalah untuk menyampaikan keputusan Majlis Mesyuarat Kerajaan Johor mengenai keputusan Kajian semula syarat membeli Lot Bumiputera bagaimana Ringkasan Mesyuarat Bil. 590/2008 bertarikh 2.4.2008 dan juga membuat penyeragaman berkaitan penggunaan peraturan-peraturan sediada yang digunapakai terdahulu hasil daripada pekeliling-pekeliling, keputusan kerajaan atau Peraturan Tanah Johor.

2. **LATARBELAKANG**

2.1 Dasar Pemilikan Hartanah Lot Bumiputera yang dikaji semula ini adalah sebagai jalan penyelesaian ke atas rayuan-rayuan yang sering diterima oleh kerajaan daripada pelbagai kaum untuk memiliki hartanah Bumiputera. Pengubalan ini juga secara tidak langsung turut menggalakkan pertumbuhan Syarikat Bumiputera.

2.2 Penyemakan terhadap dasar pemilikan hartanah Lot Bumiputera di buat agar kadar pemilikan hartanah Bumiputra di dalam sesuatu projek perumahan dapat dikekalkan peratusannya.

3. **GARIS PANDUAN DASAR PEMILIKAN HARTANAH LOT BUMIPUTERA**

3.1 Kategori orang yang layak membeli/memiliki hartanah **BUMIPUTERA** mestilah terdiri daripada warganegara Malaysia sebagaimana berikut :-

3.1.1 Kumpulan orang Asli Semenanjung Malaysia iaitu Negrito, Senoi serta Melayu Proto;

3.1.2 Melayu;

3.1.3 Bumiputera Sabah dan Sarawak;

Penetapan bagi Bumiputera Sarawak dan Sabah ini selaras dengan Perkara 161-161A (6) Perlembagaan Persekutuan yang antara lain menyatakan :-

161A (6) Dalam Perkara ini **‘ BUMIPUTERA’** ertinya :-

(a) Mengenai Sarawak – Seseorang warganegara dan ianya adalah seorang dari mana-mana satu kaum yang dinyatakan dalam Fasal (7) sebagai kaum asli Negeri itu atau ianya adalah seorang berketurunan campuran yang berasal daripada kaum-kaum itu; dan

(b) Mengenai Sabah – Seseorang warganegara dan ianya adalah anak atau cucu kepada seseorang dari suatu kaum asli dan telah lahir (sama ada atau tidak pada atau selepas Hari Malaysia) di Sabah atau bapanya pada masa itu adalah berdomisil di Sabah.

161A (7) - Kaum-kaum yang disifatkan sebagai asli bagi Sarawak bagi maksud-maksud tarif **‘BUMIPUTERA’** dalam Fasal (6) ialah Bukitan, Bisayah, Dusun, Dayak Laut, Dayak Darat, Kedayan, Kalabit, Kayan, Kenyah (termasuk Sabup dan Sipeng), Kajang (termasuk Sekapan, Kejaman, Lahanan, Punan, Tanjong dan Kanowit), Lugat Lisum, Melayu, Melano, Murut, Penan, Sian, Tagal, Tabun dan Ukit.

- Buku `Malaysia Kita’ terbitan International Law Book Services, Kuala Lumpur melalui Bab 3, Masyarakat Asli Malaysia menyatakan Bumiputera Sabah adalah Kadazan, Bajau Darat, Bajau Laut, Dumpas, Dusun, Idahan, Ilanun, Kwijau, Murut, Mangka’an, Maragang, Minokok, Lotud, Lun Dayeh, Bisayah, Kedayan, Orang Sungai, Pulau Cocos, Paitan, Rumanau, Rungus, Suang Latut, Sino – Native, Sulu, Tambanuo, Tidong dan Brunei.

3.1.4 Kelonggaran boleh diberi kepada mereka yang telah berkahwin dengan orang Asli, Pribumi Sabah dan Sarawak;

3.1.5 India Muslim;

3.1.6 Malbari;

3.1.7 Syed/Sheikh/Sharifah/Siti;

3.1.8 Mualaf berkahwin dengan Mualaf;

3.1.8.1 Walau bagaimanapun, kebenaran yang diberi adalah bersyarat.

3.1.8.2 Pemohon dikehendaki mengemukakan dokumen tambahan berikut ketika mengemukakan permohonan :-

i) Salinan Kad Pengenalan;

ii) Salinan Sijil Kelahiran;

iii) Surat/Sijil Nikah;

3.1.8.3 Sekiranya berlaku pindahmilik daripada pemilik pertama dan seterusnya, Pembeli/Penerima pindahmilik baru dikehendaki mengemukakan permohonan kebenaran membeli hartanah Bumiputera daripada **Pengarah Tanah dan Galian Negeri Johor.**

3.2 Syarikat Sendirian Berhad yang mempunyai pegangan Bumiputera kurang 51% **tidak boleh** memohon untuk pengiktirafan Bumiputera bagi tujuan pemilikan hartanah Bumiputera.

4. TARIKH KUATKUASA

4.1 Tarikh kuatkuasa Pekeliling ini adalah bermula pada 1 Mei 2008

(HAJI OBET BIN TAWIL)
b.p. Pengarah Tanah dan Galian Negeri,
JOHOR.

Fail : Bil (4) dlm PTG (AM 299 Jld 1 /PTG48/73-25)
Tarikh : 14 Mei 2008

Pejabat Pengarah Tanah dan Galian
Johor